




Prof Dr Muhaya Mohamad dilahirkan di Kuala Terengganu, Terengganu dan kini berkhidmat sebagai Pengarah Pusat Mata dan Lasik di Pusat Perubatan Prince Court. Beliau sudah menghasilkan tujuh buku di bawah penerbit As-Sohwah dan bukunya, *Pelajar Bertanya Prof Dr Muhaya Menjawab*, diterbitkan oleh PTS Millenia. Ibu kepada dua anak perempuan yang turut mengikut jejak langkahnya apabila memilih profesion kedoktoran, semakin mendapat perhatian ramai apabila dijemput menyampaikan ceramah di seluruh negara termasuk di stesen televisyen dan radio.

Mohamad Bahrudin Mohamad Bekri atau nama penanya, Bahrudin Bekri, dilahirkan di Bumi Kenyalang, Sarawak dan lulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), mula serius menulis pada 2007. Kini beliau sudah menghasilkan lebih 20 novel yang kebanyakannya bertema remaja.



35 cerita teladan

» *Padanya Ada Hikmah rakam pengalaman Prof Dr Muhaya Mohamad*

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Padanya *Ada Hikmah* ditulis berdasarkan pengalaman tokoh perubatan tersohor, Prof Dr Muhaya Mohamad dan diolah semula editor dan penulis, Bahruddin Bekri, dalam bentuk fiksiyen, wajib dibaca kerana banyak teladan yang boleh diperoleh pembaca.

Naskhah yang memuatkan 35 cerita berbeza dengan persekitaran hospital sebagai latar ditulis berdasarkan temu bual dengan Prof Muhaya, dalam tempoh wawancara dua jam.

Kebanyakan kisah dalam naskhah terbitan PTS Litera Utama Sdn Bhd, bukan saja memberikan inspirasi kepada pembaca, tetapi membawa mereka kembali kepada ajaran Islam, mengamalkan akhlak mulia, selain sentiasa bermotivasi dalam berdepan cabaran kehidupan.

Antara kisah yang wajib dibaca tentu sekali bab tujuh, *Alhamdulillah, Awak Selamat* yang mengingatkan kepada pembaca supaya tidak leka dan sentiasa mengingati mati dengan cerita ringkas mengenai pemuda yang aktif menjadikan sukan sebagai rutin hidupnya, tetapi diserang sakit jantung.

Tukang cuci insafkan pemuda

Pemuda itu mula mempersoalkan ketidakadilan tuhan yang memberikan dugaan itu kepadanya, tetapi mula terbit cahaya keinsafan apabila dinasihati tukang cuci di hospital supaya sadar bahawa kesakitan itu adalah peringatan

supaya mengingati mati dan tidak lalai menunaikan tanggungjawab agama.

Penulis amat tertarik ketika membaca bab empat, *Hati Yang Penuh Penyakit* yang sarat kritikan pedas terhadap masyarakat yang sering kali risau setiap kali ditimpa penyakit berisiko tinggi seperti kanser, sakit jantung dan leukimia, tetapi langsung tidak menghiraukan penyakit rohani yang terus menyelubungi diri.

Mereka diingatkan bahawa ubat paling mujarab bagi menyembuhkan kesakitan yang dideritai sesiapa juga yang beragama Islam ialah dengan mengingati tuhan dan memperbanyakkan makanan rohani dengan membaca al-Quran, sebagai ubat.

Pembaca yang sering rendah daya motivasi dan cepat mengalah pula perlu membaca bab 19, *Saya Akan Mati, Bukan? Mengenai perempuan yang sedang sakit dan terlalu berfikiran negatif hingga mengeluarkan soalan kepada doktor, sama ada dia akan mati.*

Antara bab lain yang tidak kurang menarik ialah *Menjadi Orang yang Ajaib, Dia Sudah Lumuh, Siapa yang Mahu Ajar Ayah Mengucap? dan Selagi Dia Masih Ada di Dunia.*

Ilmu paling besar yang dikutip daripada kisah dalam buku ini ialah jangan sesekali memberi alasan apabila ditimpa musibah

atau meliddakkan takdir yang tuhan telah tentukan kerana pelbagai rahmat lebih banyak bakal hadir dalam hidup, sekiranya seseorang itu reda dan syukur.

Kata-kata hikmah jadi pedoman

Banyak sekali kata-kata hikmah yang dapat dikutip dan dijadikan pedoman buat pembaca antaranya pada halaman 19, petikan berbunyi 'sakit itu pencuci dosa-dosa lalu kita, sakit itu adalah cara kita semakin mendekatkan diri kepada Allah, manakala halaman 50 pula 'sekiranya kita menghadapi musibah, jangan hadapinya sebagai seorang guru, jangan hadapinya sebagai seorang jururawat, jangan

hadapinya sebagai seorang doktor, tetapi usahakanlah menghadapinya sebagai seorang mukmin'.

Walaupun cerita yang disampaikan dalam naskhah ini tidak sampai tiga halaman bagi setiap bab, tetapi pengisiannya meninggalkan kesan dan berupaya menjadi wadah terbaik kepada pembaca mengubah cara berfikir, mengamalkan akhlak berasaskan

ajaran Islam, selain sentiasa melihat ke dalam diri sebelum menuduh jari ke arah orang lain.

Secara keseluruhan, pembaca yang gemarkan kombinasi karya sarat mesej positif, motivasi, dakwah, pengajaran perlu memiliki karya yang turut tersenarai antara sepuluh karya laris di pasaran pada tahun lalu dan dicalonkan dalam Kategori Bkan Fiksiyen, Anugerah Pilihan Pembaca Popular-BH 2013.

PADANYA ADA HIKMAH

Pengarang: Prof Dr Muhaya Mohamad dan Bahruddin Bekri
Tebal: 120 halaman
Penerbit: PTS Litera Utama Sdn Bhd
Harga: RM18
Bintang: ★★★★★